warta DBKL

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

ISSN 1511 - 5364 JULAI / OGOS 1999
NASKHAH PERCUMA

# BRIGED PENYELAMAT SUNGAI SEKOLAH RENDAH

Manusia memerlukan sungai untuk mendapatkan air. Manusia juga memerlukan udara bersih, tumbuh-tumbuhan yang segar serta persekitaran yang nyaman untuk keperluan kehidupan seharian.

Datuk Bandar Kuala Lumpur , Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff berkata, pendedahan peringkat awal kepada kanak-kanak sekolah untuk menjaga alam sekitar merupakan langkah yang baik. Guru sekolah perlu memberi kerjasama kepada badan sukarela yang menganjurkan sebarang program yang dapat membentuk sikap kanak-kanak sekolah supaya lebih bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara bila dewasa kelak.

"Sungai-sungai dicemari dengan sampah-sarap yang dibuang oleh segelintir masyarakat yang menyebabkan



*Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff bersama-sama dengan Ahli Briged Penyelamat Sungai*

Bersambung di muka surat 31

## KHABAR SEMASA

| | |
|---|---|
| Persediaan DBKL Menuju Alaf Baharu (Bhg 1) | 13 |
| Laluan Baru Elakkan Kesesakan | 14 |
| Jalan Sehala Di Lebuh Pasar | 15 |

## WARTA MENARIK

* Kg. Benteng, Segambut Aktif
* Usaha Bebas Dari Nyamuk
* DBKL Memenangi Anugerah Perdana
* 1999- Bola Sepak KL Cemerlang

9 771511 536005

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL
PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

# ALBUM DBKL



*Datuk Bandar Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai kanan DBKL melawat kawasan Sungai Penchala*




*Datuk Bandar ketika merasmikan Liga Sukan untuk semua peringkat Wilayah Persekutuan di Kompleks Sukan, Kampung Pandan*



*Pn. Hajah Halijah Othman menyampaikan cenderahati di majlis meraikan Pasukan Hoki Kuala Lumpur*



*Datuk Hj. Noordin Hj. Abd. Razak menyampaikan cenderahati kepada Tn. Hj. Idris Ibrahim di Majlis Makan Malam PEMADAM Kebangsaan*



*Datuk Hj. Noordin Hj. Abd. Razak memeriksa perbarisan di Majlis Tamat Latihan Penguatkuasa*



*Datuk Bandar di Upacara Penutup Petronas Rally 1999 di Dataran Merdeka*

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

Ditekodkan pada 9/12/99 Tandatangan
UNIT KLRC 13/12/99
Bahagian Perpustakaan Jabatan Pengurusan Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



# DARI MEJA EDITOR



Aktiviti berbentuk sukan sahaja boleh menyihatkan badan, tetapi boleh membantu mewujudkan masyarakat yang cergas, dinamik dan harmoni. Kegiatan sukan ini, terutamanya yang dirancang dan diuruskan dengan teratur, akan menggalakkan masyarakat untuk bergaul dan dapat mengeratkan hubungan sesama mereka.

Badan-badan atau persatuan sukan yang ada, meningkatkan program atau aktiviti sukan dibawah kelolaan masing-masing selaras dengan kepentingan sukan dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Penglibatan orang ramai dalam aktiviti sukan, bukan hanya bergantung kepada badan-badan atau persatuan sahaja, kerana mereka masih mempunyai ruang untuk menceburkan diri secara persendirian. Di Kuala Lumpur ini, terdapat banyak kemudahan atau tempat untuk bersukan yang di sediakan. Terpulang kepada kita sama ada untuk menggunakan kemudahan yang disediakan.

Mereka harus menggunakan kemudahan ini dengan sebaik mungkin. Penggunaan taman awam untuk berjoging atau beriadah, amat digalakkan dan harus digunakan sepenuhnya oleh masyarakat yang prihatin dan mementingkan gaya hidup sihat. Pada masa yang sama, kita harus memastikan taman-taman tersebut dijaga kebersihan dan keindahannya.

Kita harus ingat bahawa setiap kemudahan awam yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau kerajaan adalah untuk kepentingan semua lapisan masyarakat. Seharusnya menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama menjaga dan memastikan kemudahan tersebut sentiasa terpelihara dengan keadaan baik. Jika sikap bertanggungjawab ini dapat di tetapkan dalam kehidupan seharian, sudah tentu setiap usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang cergas melalui aktiviti yang berfaedah seperti sukan, akan tercapai dengan mudah.

Penasihat :

**Mohd Yusoff Bin Haji Ibrahim**

Editor :

**Sariffuddin Bin Ibrahim**

Sub Editor :

**Zainon Bt. Haji Alias**

Jurufoto :

**Mubarak Bin Mohd Atan**

**Abd. Rhani Bin Md. Shohor**

**Md. Ismail Bin Isnin**

**Nik Rozali Bin Nik Othman**

Edaran:

**Ramlan Bin Salleh**

**Alamat Editor**

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,

Jabatan Pengurusan Organisasi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

**Puan Zainon Bt. Haji Alias**

Tel: 03-291 6011 samb.3855

Faks: 03-298 0460

**PERHATIAN**

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Cetakan**

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

***Laman Web DBKL: http://www.tm.net.my/dbkl/***

***E-Mail: dbkl_pro@tm.net.my***

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL